

Konvensyen UMNO Johor bawa dimensi baru perkasakan Melayu

Oleh WAN HASNANHASAN

UM 14 JUN 2003

SARANAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semalam yang mahukan rakyat terus mengekalkan semangat, perjuangan pengasas UMNO, Datuk Onn Ja'afar seharusnya menjadi pegangan setiap ahli menyertai Konvensyen UMNO peringkat negeri Johor hari ini.

Menurut Perdana Menteri, kita tidak patut menyerahkan negara kepada sesiapa pun kerana ini adalah satu-satunya negara kita dan jika kita menyerahkannya kepada orang lain maka kita tidak akan memiliki negara sendiri.

Gesaan Dr. Mahathir itu sebenarnya amat besar maknanya khususnya dalam usaha untuk mempertahankan kedaulatan negara serta memastikan ia sentiasa berada di landasan yang betul untuk mencapai kemajuan demi kepentingan rakyatnya.

Walaupun gesaan itu merupakan untuk semua rakyat namun pokok pangkalnya para pemimpin yang menerajui pimpinan parti meliputi semua peringkat seharusnya terlebih dahulu memahami dan bersedia untuk melaksanakan apa yang dijelaskan oleh Perdana Menteri itu.

Ini penting supaya, setiap apa yang dirancang dan dilaksanakan serta sentiasa berada pada landasan yang betul dan tidak terdedah kepada risiko kesilapan yang bakal mrrugikan negara, bangsa dan agama.

Untuk itu, para pemimpin yang mengemudi kumpulan tertentu seharusnya bijak menangani, mengurus, meramal atau melaksanakan sebarang keputusan dengan baik iaitu berlandaskan akal yang sempurna supaya kita tidak terhukum ekoran kesilapan kita sendiri.

Bertolak dari situ, Konvensyen UMNO Peringkat Negeri Johor yang berlangsung hari ini diharap akan membawa dimensi baru kepada perjuangan parti itu khususnya di dalam memperkasakan orang Melayu.

Malah, bertepatan dengan tema konvensyen kali ini iaitu '*Menjana Kesyinambungan Perjuangan Melayu*,' usaha-usaha memastikan perjuangan ke arah menyatu

ANALISIS BERITA

dan memartabatkan Melayu seharusnya menjadi keutamaan setiap pemimpin di dalam parti itu.

Sebarang perselisihan faham tidak kira melibatkan semua perkara khususnya di ka-

langan ahli parti seharusnya ditangani secara bijak supaya ia tidak menjejaskan keharmonian yang telah sedia terjalin.

Secara umumnya, rakyat di negeri ini telah banyak menikmati nikmat pembangunan hasil daripada kebijaksanaan barisan kepimpinan negeri dari dulu hinggalah sekarang.

Melalui usaha keras barisan pemimpin itu serta kerjasama yang erat daripada peringkat atas hingga ke peringkat akar umbi inilah terhasilnya pelbagai bentuk kemakmuran yang dapat dikecapi oleh seluruh rakyat.

Bagaimanapun, nikmat itu mungkin tidak akan kekal lama jika semua pihak tidak berusaha untuk bersamasama memastikan ia terus berkekalan dengan bercakaran sesama sendiri dan sebagainya.

Salah satu ujian yang harus dihadapi krtika ini ialah mengenai pengagihan kerusi ekoran persempadanan semula kawasan pilihan raya yang melibatkan enam kerusi Parlimen dan 16 kerusi Dewan Undangan Negeri.

Pembahagian itu seharusnya dilakukan mengikut formula yang difikirkan paling sesuai oleh pihak pucuk pimpinan manakala pihak yang menerima pula seharusnya menerima setiap keputusan yang dibuat oleh pucuk pimpinan secara terhuka.

Dalam perkara ini, sebarang rasa tidak puas hati apabila keputusan mengenainya dibuat kelak seharusnya tidak diterjemahkan dengan perbuatan-perbuatan yang menjurus kepada perpecahan dan sebagainya.

Jika ini berlaku, sudah tentu matlamat untuk menjana kesyinambungan perjuangan Melayu tidak akan mampu dicapai.